

21 OCT 2002

NIK AZIZ AKUI DR MAHATHIR ADA KETOKOHAN PIMPIN NEGARA ISLAM

KOTA BAHARU, 21 Okt (Bernama) -- Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, bersetuju dan menyambut baik kesediaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus memberi sumbangan kepada dunia Islam walaupun selepas bersara tahun depan.

Menteri Besar Kelantan itu berkata Dr Mahathir mempunyai ketokohan dan perwatakan yang sesuai bagi membantu negara-negara Islam berdasarkan sikap rajin serta keberaniannya menentang sebarang tindakan tidak betul oleh barat.

"Jarang ada pemimpin negara kecil seperti Malaysia yang sanggup menentang kuasa besar," katanya kepada pemberita di sini hari ini bagi mengulas kenyataan Perdana Menteri di Jeddah semalam bahawa beliau sedia untuk terus memainkan peranan menangani masalah dunia Islam selepas bersara nanti.

Berhubung dengan saranan Dr Mahathir supaya Arab Saudi menjadi negara Islam pertama bertaraf kuasa besar, Nik Aziz berkata negara itu semamangnya berhak mencapai tahap berkenaan berdasarkan kepada sejarahnya.

"Matlamat itu tidak boleh dicapat dengan bersandarkan kepada semangat semata-mata tetapi pemimpinnya juga perlu berani melaksanakan perjuangan berlandaskan kepada ajaran Islam," katanya.

-- BERNAMA

RAR MAI